

Kerajaan bertekad bebaskan negara daripada rasuah, salah guna kuasa - PM

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berkata, kerajaan komited untuk memulihkan negara agar bebas daripada rasuah dan salah guna kuasa.

Ini akan dilaksanakan dengan mengukuhkan pentadbiran negara berdasarkan kepada prinsip 'rule of law' dan pemisahan kuasa seperti mana telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Patik berharap negara akan terus bebas daripada pelbagai bentuk penyelewengan untuk membolehkan Malaysia Baharu dapat dibangun dan dimajukan dengan lebih baik berbanding sebelum ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika mempersembahkan ucapan tahniah bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia

dalam Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara pada hari ini.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan sentiasa menghormati dan terus mempertahankan kedaulatan institusi Raja Berperlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, serta keistimewaan orang Melayu dan anak Negeri Sabah dan Sarawak serta kepentingan sah kaum-kaum lain seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, kerajaan menyedari ketidaktentuan ekonomi dan geopolitik dunia yang

semakin mencabar termasuk dalam bentuk halangan-halangan kepada perdagangan bebas serta ketidakstabilan dalam mata wang global, boleh memberi kesan kepada negara.

Untuk mengatasi keadaan itu, kerajaan akan sentiasa melakukan pelbagai strategi di peringkat domestik dan antarabangsa untuk menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Dr. Mahathir turut memaklumkan bahawa usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan kedudukan kewangan dan ekonomi negara serta melunaskan janji-janji yang telah diberikan kepada rakyat semakin berhasil.

Pada masa yang sama, katanya, pelbagai inisiatif di bawah visi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 telah pun mula

dilaksanakan bagi memastikan kekayaan negara dapat diagihkan dengan menyeluruh untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi seterusnya meningkatkan pendapatan rakyat.

Sementara itu, Dr. Mahathir berkata, sambutan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-62 pada 31 Ogos lalu yang bertemakan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih telah menyerlahkan kesepakatan dan perpaduan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Beliau berkata, ia sekali gus menunjukkan rakyat Malaysia boleh duduk bersama berkongsi sesuatu nilai yang dihargai secara harmoni walaupun berlainan kaum, berbeza latar belakang dan kepercayaan.

"Rakyat juga kini semakin matang dalam menghadapi ancaman-ancaman yang mampu

memecah belahkan perpaduan. Justeru, Kerajaan Tuanku akan terus memperkukuhkan perpaduan dan melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan keharmonian kaum terus dipelihara," katanya.

Menyentuh tentang agenda pembangunan negara pula, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus melibatkan golongan anak muda dan menerapkan mereka dengan semangat kesukarelawan serta keusahawanan selain nilai murni supaya menjadi lebih produktif juga berdaya saing untuk menghadapi perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Dalam mengejar arus pmodenan itu, katanya kerajaan akan terus memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara dan tidak diabaikan. - BERNAMA